

NO. SOALAN: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 10 OGOS 2017(KHAMIS)

SOALAN :

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :**

- a) adakah Kementerian sedar baru-baru ini 6 tan ayam dirampas di beberapa pasaraya di Tawau. Minta YB Menteri menyiasat mengapa semua daging ayam ini tidak mempunyai sijil halal dan ada beberapa pasaraya memalsukan sijil halal; dan
- b) apakah tindakan Kementerian untuk membanteras perkara ini dan tidak akan berlaku lagi.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rampasan daging ayam yang berlaku di negeri Sabah tersebut adalah berkaitan rampasan daging ayam yang diimport dari luar negara. Justeru, pengawalan daging tersebut masuk ke dalam negara adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang bertugas di pintu-pintu masuk negara.

Syarat kelulusan produk import berasaskan daging dan susu ke dalam negara hendaklah mendapat kelulusan / permit import daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Bagi mendapatkan kelulusan/permit import bagi produk-produk tersebut, JAKIM juga turut dilibatkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menjalankan pemeriksaan terhadap loji-loji yang memproses produk tersebut di luar negara. Setelah loji yang berkenaan mendapat kelulusan, baharulah produk tersebut akan dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam negara.

Justeru kemasukan produk berkenaan hendaklah beserta Permit Import yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, di mana pengimportan hanya boleh dibuat daripada loji-loji

pemrosesan yang telah dibuat pemeriksaan dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

- b) Bagi penguatkuasaan kemasukan produk import berasaskan daging dan tenusu yang diimport ke Malaysia, Kerajaan menggunakan peruntukan Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang menyatakan bahawa setiap barang yang diimport dan dipasarkan di Malaysia tidak boleh diperihalkan sebagai halal melainkan setelah disahkan oleh Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf JAKIM. Berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut, pihak berkuasa berkenaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) boleh mengawal dan menguatkuasakan kemasukan produk yang tidak disahkan halal oleh Badan Pensijilan Halal yang diiktiraf di pintu-pintu masuk ke negara ini.

Sekian, terima kasih.